




اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: 05-450 6000 Fax: 05-459 5488  
Laman Web: www.upsi.edu.my  
Email: admin@upsi.edu.my



Jabatan Pendaftar

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : UPSI/PEND/280/181/3  
Tarikh : 11 Oktober 2002M  
4 Syaaban 1423H

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11 TAHUN 2002**

Dekan-Dekan Fakulti  
dan  
Ketua-Ketua Jabatan

Y. Bhg. Dato'/Profesor/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 11 TAHUN 2002  
~ Penyertaan Staf Di Dalam Kursus**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 24/2002 telah memutuskan agar setiap staf diwajibkan untuk menghadiri kursus sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Penyertaan di dalam kursus ini tidak terhad kepada kursus-kursus anjuran Universiti sahaja, malah terbuka kepada semua kursus anjuran agensi-agensi luar. Definisi kursus ini adalah meliputi semua aktiviti keilmuan seperti seminar, simposium, kolokium, forum, bengkel dan apa jua bentuk perjumpaan yang melibatkan perbincangan ilmiah.

3. Penyertaan staf di dalam kursus-kursus anjuran agensi tersebut akan mendatangkan faedah yang besar kepada staf, Universiti dan negara. Ia bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan staf itu sendiri bahkan dapat menyumbang kepada Universiti dalam aspek peningkatan profesionalisma, peransangan idea-idea baru, penjana pengalaman dengan peserta dan penceramah luar dan pencermin imej positif Universiti dalam aspek pembangunan sumber manusia.

muka surat 2

UPSI/PEND/280/181/3

4. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan agar Y. Bhg. Dato'/Profesor/Tuan/Puan memberi sokongan padu penglibatan staf di dalam kursus-kursus dengan membuat perancangan jadual kerja semasa ketiadaan staf yang terlibat.

Semoga mendapat kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato'/Profesor/Tuan/Puan demi kepentingan Universiti.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**(RUSLEY BIN TAIB)**  
Pendaftar

s.k.: Y. Bhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik)  
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
Timbalan Pendaftar (Sumber Manusia)  
Semua Penolong-Penolong Pendaftar  
Fail Timbul